

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 04.09.2024 MASA: 5.30 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM PROJEK CARETON BERSAMA TETRA PAK
DAN NESTLE MILO UHT MALAYSIA BAGI KEMPEN
KUTIPAN KOTAK MINUMAN UNTUK DIKITAR
SEMULA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**07 SEPTEMBER 2024 (SABTU)
11.20 PAGI**

**PASARAYA LOTUS'S BAGAN AJAM
BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &
Desa

Yang Dihormati En. Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis MBSP

Yang Dihormati Puan Silvin See

Consumer Marketing Manager, Ready-To-Drink, Nestle Malaysia

Yang Dihormati En. Ahmad Zabri B. Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap
Pengerusi Program Projek Careton

Yang Dihormati Barisan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ng Qian Yi

Wakil Tetra Pack

Yang Berusaha En. Azim Bin Azri

Wakil Lotus Bagan Ajam

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenanNya, kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Projek Careton Bersama Tetra Pak Dan Nestle Milo UHT Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman Untuk Dikitar Semula** yang diadakan di **Pasaraya Lotus's Bagan Ajam, Butterworth**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir merasmikan Majlis pada pagi yang berbahagia ini.
3. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang hadir pada hari ini terutamanya Yang Berhormat Phee Syn Tze, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Puyu; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Puan Terryz Tan, Sustainability Director, ASEAN Region, Tetra Park (M) Sdn. Bhd.; Puan Silvin See, Consumer Marketing Manager, *Ready-To-Drink*, Nestle Milo UHT Malaysia; warga kerja MBSP; NGO; para pengunjung; dan para

hadirin sekalian, yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini.

4. Program Projek Careton bersama Tetra Pak dan Nestle Milo UHT Malaysia bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman untuk dikitar semula di Lotus's Bagan Ajam, Butterworth ini, bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang pengasingan sisa dipunca serta impak yang akan berlaku sekiranya kita tidak mengamalkan aktiviti kitar semula kepada alam sekitar. Ianya merangkumi aktiviti-aktiviti yang menggalakkan usaha dalam melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula serta memberi kesedaran bahawa sisa kitar semula adalah sesuatu yang berharga dan boleh menjana pendapatan. MBSP mengharapkan agar sasaran kadar kitar semula kita dapat meningkat kepada 70% menjelang tahun 2023.
5. Program Projek Careton merupakan program kali ketiga yang diadakan di pasaraya-pasaraya di kawasan Seberang Perai. Julung kalinya, program ini diadakan di Pasaraya C-Mart, Nibong Tebal pada 19 Februari 2024, diikuti di Sunway Carnival Mall pada 23 dan 24 Mac 2024 dan seterusnya pada hari ini (07 September 2024) di Lotus's Bagan Ajam, Butterworth.

6. MBSP amat gembira di atas penglibatan Syarikat Tetra Park (M) Sdn. Bhd. dan Nestle Milo UHT Malaysia, dua buah syarikat yang multinasional, yang sudi bersama-sama MBSP dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) iaitu aktiviti Kempen Kutipan Kotak Minuman untuk dikitar semula.
7. Bagi menjayakan program pada hari ini, terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan seperti pameran mengenai pendidikan berkaitan kitar semula kotak minuman makanan jenis tetra pack oleh Syarikat Tetrapak Malaysia dan Syarikat Nestle Malaysia.
8. Program pertukaran kotak minuman jenis *tetra pack* juga turut diadakan kepada para pengunjung. Syarikat Tetra Pak dan Nestle Milo UHT Malaysia akan menyediakan baucer *Touch 'n Go* bernilai RM5.00 dan air kotak Milo UHT (200ml x 6 kotak) kepada 100 pengunjung pertama yang membawa 20 unit pek kotak minuman untuk dikitar semula manakala bagi 100 pengunjung berikutnya yang membawa 20 unit pek kotak minuman untuk kitar semula akan mendapat air kotak Milo UHT (200ml x 6 kotak).
9. Kotak untuk mengumpulkan kotak minuman pula disumbangkan oleh Tetrapak kepada Lotus's Bagan Ajam, Butterworth dan akan diletakkan di pasaraya ini, bertujuan bagi memudahkan orang ramai melupuskan kotak minuman yang telah dikumpulkan.

10. Projek Careton Bersama Tetra Pak Dan Nestle Milo UHT Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman Untuk Dikitar Semula Di Lotus's Bagan Ajam, Butterworth ini mampu memberi impak dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di mana kompaun maksimum sebanyak RM500.00 akan dikenakan kepada penduduk yang masih ingkar dalam melaksanakan pengasingan sisa yang sudahpun berkuatkuasa mulai Julai 2024.

11. Diharap melalui program ini, warga Seberang Perai sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production and Climate Action*, serta menekankan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, **"Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif"**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.